

TEKS UCAPAN

YBHG. PROFESOR Ts. Dr. MASSILA BINTI KAMALRUDIN

NAIB CANSELOR UTeM

MAJLIS APRESIASI KECEMERLANGAN PENYELIDIKAN 2021

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)

اونيورسيتي تيكنيكل مليسيا ملاك
18 Mei 2022, AMES Hotel Melaka, 2.00 petang

Terima Kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis,

Yang Berbahagia Profesor Dr. Zulkiflie bin Ibrahim

Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)

Yang Berbahagia Profesor Ir. Ts. Dr. Ghazali bin Omar

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)

Yang Berbahagia Profesor Dr. Zahriladha bin Zakaria

Pengarah Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi

Pegawai-Pegawai Kanan Universiti,

Dan seterusnya penerima-penerima anugerah yang dikasihi sekalian.

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan kehadiran Allah Subbahanahu Wata'ala, di atas segala rahmat dan kurniaan dariNya, kita dapat berhimpun dan bertemu pada petang ini di Majlis Apresiasi Kecemerlangan Penyelidikan 2021. Tambah istimewa lagi kebetulan majlis ini berlangsung dalam bulan Syawal di mana rakyat Malaysia meraikan Hari Raya Aidilfitri dengan penuh meriah setelah 2 tahun kita berhadapan dengan Pandemik COVID-19.

2. Saya difahamkan seramai 33 penerima telah dipilih untuk diraikan pada majlis ini berdasarkan komitmen dan kecemerlangan dalam penyelidikan dan penerbitan yang telah memberi impak kepada UTeM. Dedikasi dan komitmen yang telah dipamerkan wajar dijadikan inspirasi oleh staf akademik yang lain supaya dapat bersama-sama turut mencapai sasaran yang telah ditetapkan oleh kementerian dan negara.

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Hadirin sekalian,

3. Jika disebut penyelidikan, proses sebenarnya panjang. Daripada menyediakan *research proposal*, memohon geran, mencapai KPI yang ditetapkan oleh pemberi dana dan universiti, menghadiri persidangan untuk membina *networking*, membentangkan hasil penyelidikan di persidangan-persidangan dan seterusnya menerbitkan hasil penyelidikan supaya hasil penyelidikan dinilai dan diiktiraf oleh penyelidik lain. Selari dengan peredaran masa, keperluan manusia, organisasi dan negara, penyelidikan pada masa kini bukan terhad kepada menghasilkan teori-teori

baharu. Malah perlu dan boleh diaplikasi untuk meningkatkan kualiti hidup insan sejagat.

4. Penyelidikan kita perlu lebih ke arah translational research atau penyelidikan translasi iaitu penyelidikan yang boleh menghasilkan output yang memberikan manfaat terus kepada komuniti. Pada ketika ini dunia diancam dengan masalah bencana alam, dan yang paling kerap berlaku ialah kejadian banjir kilat. Kawasan yang tidak pernah banjir, tiba-tiba dinaiki air apabila berlaku hujan lebat. Mungkin ia kesan akibat pembangunan namun aktiviti pembangunan tidak boleh

dihalang kerana ia juga untuk manfaat komuniti. Justeru perlu hasil kajian yang membantu mencegah banjir dan mengawal banjir dari menyebabkan mudarat kepada masyarakat setempat. Selain sebagai pusat penyebaran ilmu, UTeM juga boleh berperanan sebagai pusat kajian yang boleh meningkatkan kualiti hidup masyarakat sejagat.

Hadirin sekalian,

5. Usaha-usaha penyelidikan UTeM selama ini telah mula menunjukkan hasil. Alhamdulillah UTeM berada di kedudukan 601-800 Impact Ranking, berada di kedudukan 451-500 QS Subject Rankings 2022 bagi subjek kejuruteraan

– mekanikal, aeronautikal, dan pembuatan; dan berada di kedudukan 651-670 bagi bidang sains komputer dan sistem informasi.

6. Hasil usaha ahli akademik ini menjadi penyumbang utama kepada penarafan MyRA, QS Ranking dan THE ranking. Saya amat berharap momentum yang sedia ada dikekalkan malah dipertingkatkan dengan mendorong atau membantu rakan-rakan yang lain secara mentoring untuk bersama-sama menjadikan UTeM institusi pengajian pilihan utama.

7. Di sini saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan penghargaan kepada penyelidik yang terlibat dengan kerjasama bersama industri, sama ada yang telah menerima geran industri, menjalankan penyelidikan atau sebarang kolaborasi bersama industri. Libatsama industri dalam aktiviti penyelidikan dapat memastikan kualiti penyelidikan berada pada kedudukan terbaik dan bermanfaat kepada masyarakat kerana industri hanya akan berminat dengan hasil yang boleh dipasarkan atau memberi nilai tambah kepada produk sedia ada.

8. Saya juga berharap penyelidik UTeM dijadikan rujukan untuk masalah industri kerana saya percaya fasiliti dan kepakaran yang ada mampu menjadikan UTeM sebagai *solution provider* bagi industri di Melaka khususnya dan Malaysia amnya.
9. Kejayaan dan kecemerlangan staf wajar diraikan dan dizahirkan penghargaannya. Saya mengucapkan syabas kepada CRIM kerana menganjurkan Majlis Apresiasi Kecemerlangan Penyelidikan 2021 dan saya berharap majlis seumpama ini dapat diadakan setiap tahun. Akhir kata, saya sekali lagi mengucapkan tahniah kepada penerima-penerima

anugerah pada hari ini. Semoga komitmen cemerlang yang diberikan menjadi contoh ikutan dan pengaruh positif ke arah kecemerlangan UTeM.

10. Saya sudah ucapan ini dengan serangkap pantun;

Di bawah pohon tempat bertemu,
Menanti gembira si anak dara,

Berjuanglah tuan perkasa ilmu,

UTeM cemerlang bangunkan negara.

Terima kasih.